

30 AUG 2001

MAHATHIR-CHINA

MALAYSIA PERLU CARI KELEBIHAN UNTUK BERSAING DGN CHINA

PETALING JAYA, 30 Ogos (Bernama) -- Malaysia perlu mencari kelebihan dalam bidang-bidang tertentu untuk bersaing dengan China yang menawarkan potensi pasaran yang besar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Potensi pasaran di negara itu amat besar berdasarkan kepada penduduknya yang seramai 1.3 bilion apabila ia membuka pasarannya dengan menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), katanya di jamuan makan tengah hari anjuran kelab Oxford dan Cambridge Malaysia, di sini.

Apabila ditanya tentang kesan ke atas Malaysia akibat peningkatan pelaburan di China memandangkan ia akan menyertai WTO, Dr Mahathir berkata: "Jelas, kita tidak boleh bersaing dengan 1.3 bilion para pekerja yang bekerja keras, mahir dan bersedia menerima gaji yang rendah kerana kos kehidupan di China amat rendah.

"Tetapi kita perlu mencari di mana kelebihan kita (dan) sebab itulah kerajaan mempromosikan Koridor Raya Multimedia agar rakyat Malaysia mempunyai sedikit kelebihan berbanding China," katanya.

Menyentuh tentang ciri-ciri Malaysia, beliau berkata rakyat Malaysia pada amnya berpendidikan dan kebanyakan mereka boleh bercakap Bahasa Inggeris yang membolehkan mereka memperoleh pengetahuan, khususnya dalam industri-industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Sebab itulah kenapa kerajaan menggesa universiti-universiti kita melatih orang kita untuk menjadi pekerja berpengetahuan.

"Tentulah, ini bukan bermakna China tidak dapat mengeluarkan pekerja-pekerja berpengetahuan. Sekurang-kurangnya di kalangan 1.3 bilion rakyat China, sebahagian mereka akan amat berupaya, tetapi kita rasa kita mempunyai kelebihan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, China memerlukan banyak barangan yang ia tidak boleh keluarkan sendiri, seperti kertas.

"Walaupun apabila 1.3 bilion rakyat China menjalankan urusan mereka tanpa kertas, mereka masih memerlukan jumlah kertas yang besar dan mereka terpaksa mendapatkannya dari luar China (dan) sebab itulah China melihat ke Malaysia untuk mendapatkan kertas.

"Ada barangan yang China tidak boleh keluarkan tetapi yang boleh kita keluarkan dan memprosesnya. Anda perlu mencari bidang-bidang ini atau jenis-jenis industri yang kita dapat bekalkan ke China yang diperlukannya," katanya.

Dr Mahathir berkata China akan menjadi pasaran yang besar dan ia boleh menutup pasaran itu untuk dirinya sendiri, tetapi apabila ia menyertai WTO, ia harus membuka pasarannya dan ini merupakan pasaran yang besar dengan 1.3 bilion penduduk di mana Malaysia boleh mendapatkan faedahnya.

"Terpulanglah kepada kita untuk memerhati aliran semasa dan membuat analisis dan memutuskan arah mana yang mahu kita pergi dan bidang mana yang harus kita cuba tembusi," katanya.

Perdana menteri berkata: "Saya fikir Malaysia mempunyai kepakaran dan keupayaan yang perlu untuk bersaing dalam bidang-bidang ini,"

Contohnya, Hainan mempunyai iklim tropika dan jika orang-orang cina di sana mahu pergi ke negara tropika terdekat atau jika mereka mahu makan durian, Malaysia adalah pilihan yang sesuai, katanya.

Tentulah, banyak lagi di Malaysia yang juga menarik bagi mereka, katanya.

Oleh itu, Malaysia "tidak akan menghadapi kesan yang teruk", katanya.

Malaysia telahpun mengakui bahawa China akan menjadi kuasa ekonomi yang besar dan ia sebagai kuasa ekonomi yang besar, ia akan menjadi kuasa dunia, katanya.

Beliau berkata Malaysia juga "baik" dengan China dan ia akan mengeksploit peluang daripada pertumbuhan China. Ramai orang cina di Malaysia yang boleh membina "jambatan" ke arah itu, tambahnya. -- BERNAMA

MK MR SD JR